



KEISTIMEWAAN UNTUK WARGA EMAS



Berdasarkan gambar di bawah, lengkapkan petikan ulasan dengan pilihan jawapan yang telah disediakan



berurus niaga dan beribadat

terus aktif dan menabur bakti

menjimatkan perbelanjaan harian mereka

bantuan alat sokongan dan alat tiruan

kemudahan awam dan perubatan

Gambar di atas menunjukkan beberapa keistimewaan yang diperolehi oleh warga emas. Keistimewaan ini meliputi aspek kebajikan, _____.

Antara keistimewaan dari segi kebajikan adalah bantuan kewangan dan penubuhan Pusat Aktiviti Warga emas. Selain itu, warga emas juga akan mendapat keistimewaan dari segi kemudahan awam iaitu potongan separuh harga bagi tambang pengangkutan awam untuk _____.

Manakala, dalam aspek perubatan, warga emas akan mendapat _____ anggota badan seperti kaki tiruan dan tangan tiruan agar memudahkan mereka menjalani kehidupan seharian seperti _____.

Tuntasnya, warga emas berhak mendapat pembelaan dan keistimewaan ini agar mereka _____ ke arah pembangunan negara dan bangsa.